



24 JUL, 2020

1,801 premis dipantau

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

1,801 premis dipantau

KUCHING: Sebanyak 1,801 premis telah dipantau semalam bagi memastikan pematuhan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata premis tersebut ialah pasar raya (299), restoran (351), kilang (23), bank (136), pejabat kerajaan (32), penjaja (65), pasar tani/awam (81), tempat ibadah (81), tempat riadah (66), tapak pembinaan (36) dan lain-lain (631).

"Seramai 751 anggota pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (396), ATM (46), RELA (152), APM (103), PBT (37), KKM (5), KPDNHEP (3) dan lain-lain agensi (9).

Pihak PDRM juga telah membuat satu tangkapan warga asing Sri Lanka di Kuching kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP).

"Manakala sebanyak 45 notis kompaun telah dikeluarkan iaitu di Kuching (39), Miri (4), Betong(1) dan Sarikei (1)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, sebanyak 730 kenderaan telah diperiksa di enam sekatan jalan raya di lima daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1).

"Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa.

"Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan SOP iaitu S: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), O: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan dan P: Penjarakan sosial (social distancing) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter," katanya.



24 JUL, 2020

1,801 premis dipantau

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Sebanyak 1,801 premis telah dipantau semalam bagi memastikan pematuhan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Sekretariat Jawatankusa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata premis tersebut ialah pasar raya (299), restoran (351), kilang (23), bank (136), pejabat kerajaan (32), penjaja (65), pasar tani/awam (81), tempat ibadah (81), tempat riadah (66), tapak pembinaan (36) dan lain-lain (631).